

PM syor FEER tukar nama

KUALA LUMPUR, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mencadangkan majalah *Far Eastern Economic Review* (FEER) yang berpangkalan di Hong Kong menukar namanya kepada *Far Eastern Political Review*.

Katanya, pertukaran nama itu lebih mencerminkan pandangan sebenar FEER yang lebih banyak menyiarkan laporan politik daripada ekonomi.

"Saya tidak membaca FEER kerana ia bukan majalah ekonomi. Ia adalah

majalah politik dan ia patut dinamakan *Far Eastern Political Review*," katanya.

Menurutnya, majalah ekonomi lain mengemukakan fakta dan perangkaan prestasi ekonomi, tetapi FEER tidak ada kena-mengena dengan ekonomi.

"Saya tidak tahu mengapa ia perlu dinamakan *Far Eastern Economic Review*," katanya menjawab soalan penghormatan majalah itu selepas merasmikan Persidangan Kedua Menteri Penerangan Asean di sini, hari ini.